0251
U 8757 AAB
MAHATHIR - BURUNG

BUTTERWORTH, 26 NOV (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENGUMUMKAN BAHAWA SEBUAH TAMAN BINATANG LIAR DAN BURUNG AKAN DIBUKA DI PULAU SINGA, PULAU LANGKAWI, DALAM MASA DUA TAHUN LAGI.

PERDANA MENTERI BERKATA TAMAN ITU AKAN MENEMPATKAN BINATANG LIAR DAN BURUNG YANG TEDAPAT DI NEGARA INI DAN JUGA YANG DIIMPORT.

BUTIR-BUTIR PELAKSANAANNYA SEDANG DIRANCANGKAN, KATA BELIAU KEPADA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN TAMAN BURUNG PULAU PINANG DI SEBERANG JAYA DI SINI HARI INI.

KETIKA BERUCAP MERASMIKAN TAMAN BURUNG ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR MENCADANGKAN SUPAYA KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN ALAM SEKITAR MENGKAJI SEMULA UNDANG-UNDANG HIDUPAN LIAR BAGI MENGEKALKAN BINATANG ITU.

BELIAU BERKATA HIDUPAN LIAR HENDAKLAH DITEMPATKAN SECARA BINATANG TERNAKAN YANG SENANG DILIHAT OLEH MANUSIA DAN JUGA MENGELAKKANNYA DARIPADA PUPUS. -- LAGI

1713MST 26 11 88

0252
U 8758 AAB
MAHATHIR - BURUNG 2 BUTTERWORTH

UNDANG-UNDANG SEKARANG HENDAKLAH DILONGGARKAN BAGI MEMBOLEHKAN BINATANG INI BEBAS DILEPASKAN DAN JUGA DIKURUNG SECARA TERNAKAN.

KATANYA, KINI BINATANG LIAR HANYA HIDUP DI HUTAN SAHAJA DAN SUKAR UNTUK MANUSIA MELIHAT SENDIRI SELAIN MENGGALAKKAN BINATANG ITU DIBUNUH YANG SALAH DARIPADA SEGI UNDANG-UNDANG.

MENGENAI PENGUBAHAN ALAM SEKITAR SELARAS DENGAN PEMBANGUNAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN TIDAK AKAN MENGUBAH KEADAAN ALAM SEKITAR JIKA BUKAN BAGI KEPENTINGAN PEMBANGUNAN EKONOMI NEGARA.

MENGENAI TAMAN UNTUK REKREASI, PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN MENYAMBUT BAIK USAHA PIHAK SWASTA DAN MAJLIS TEMPATAN UNTUK MENGADAKAN TAMAN REKREASI, TERUTAMANYA USAHA BAGI MENGINDAHKAN LAGI BANDAR.

DENGAN ADANYA KEADAAN ALAM SEKITAR YANG INDAH DITAMBAH DENGAN KEMUDAHAN SEMUA JENIS TAMAN, NEGARA AKAN DAPAT MENARIK LEBIH RAMAI PELANCONG, KATANYA.

-- LAGI

1715MST 26 11 88

0254
U 8759 AAB
MAHATHIR - BURUNG 3 BUTTERWORTH

TAMAN BURUNG BERHARGA $4 JUTA ITU YANG TERLETAK DALAM KAWASAN SELUAS DUA HEKTAR ADALAH TAMAN YANG PERTAMA SEPERTI ITU DI MALAYSIA.

KIRA-KIRA 500 JENIS BURUNG DARIPADA 200 SPESIS EROPAH, AMERIKA SELATAN, AUSTRALIA DAN ASIA TENGGARA TERDAPAT DI TAMAN INI.

PENGUNJUNG DIKENAKAN BAYARAN $2 BAGI DEWASA DAN $1 BAGI KANAK-KANAK.

SELAIN BERBAGAI-BAGAI JENIS BURUNG, TAMAN INI JUGA MENYEDIAKAN KEMUDAHAN SEPERTI KOLAM TERATAI YANG BERBENTUK SEJENIS JAMBATAN JEPUN DAN JUGA AIR TERJUN TIRUAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR DAN DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH DIBAWA MELAWAT TAMAN INI SELAMA DUA JAM OLEH PENGARAH TAMAN BURUNG, ENCIK MICHAEL OOI.

BELIAU JUGA MENANAM POKOK BUNGA RAYA YANG DINAMAKAN MENGIKUT NAMA BELIAU SEMPENA LAWATANNYA. -- BERNAMA.

1718MST 26 11 88